Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Waspada terhadap pelbagai penipuan jenayah komersial
Date : 6 October 2026
Section : Tempatan
Page : 7



Waspada terhadap pelbagai penipuan jenayah komersial

Kesedaran, pengetahuan mengenai MO penipuan penting bagi bolehkan masyarakat kenal pasti cubaan 'scam'

Oleh Kepu Sidi

BINTANGOR: Masyarakat perlu meningkatkan kewaspadaan terhadap pelbagai bentuk penipuan jenayah komersial yang semakin menggunakan kaedah baharu bagi memperdaya mangsa.

Ketua Polis Daerah Meradong DSP Tansli Mering berkata, kesedaran dan pengetahuan mengenai modus operandi (MO) penipuan amat penting bagi membolehkan masyarakat mengenal pasti cubaan 'scam' sebelum mengalami kerugian.

Katanya, perkara itu antara yang diberi penekanan menerusi Program Ceramah Jenayah Komersial anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bersama Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Daerah (BSJKD) Meradong di Rumah Kinchu, Sungai Mador, di sini.

"Program seperti ini menjadi platform penting untuk memberi pendedahan secara terus kepada masyarakat mengenai trend dan taktik penipuan terkini, selain menerangkan peranan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) dalam menangani jenayah berkenaan.

"Masyarakat juga perlu mengambil langkah berjaga-jaga, khususnya ketika melakukan urusan pembayaran, termasuk tidak mudah mempercayai resit pembayaran atau kod QR yang mencurigakan," katanya kepada media semalam.

> "Program seperti ini menjadi platform penting untuk memberi pendedahan secara terus kepada masyarakat mengenai trend dan taktik penipuan terkini, selain menerangkan peranan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) dalam menangani jenayah berkenaan."
>
> **DSP Tansli Mering**
> *Ketua Polis Daerah Meradong*

Menurutnya, peserta turut diberikan penerangan mengenai kemudahan yang boleh digunakan untuk membuat semakan dan mendapatkan bantuan sekiranya berdepan penipuan, antaranya National Scam Response Centre (NSRC) melalui talian 997, aplikasi WhosCall serta Portal Semak Mule dan CCID Check Scammers.

"Orang ramai juga digalakkan mendapatkan maklumat daripada sumber rasmi dan berkongsi pengetahuan ini dengan ahli keluarga serta kenalan supaya lebih ramai dapat mengelak daripada menjadi mangsa.

"Program turut disusuli pengedaran risalah dan panduan pencegahan jenayah komersial, selain sesi sembang santai bersama masyarakat bagi membincangkan langkah keselamatan ketika berdepan urusan dalam talian.

"Berdasar pemantauan kita, program ini telah mendapat sambutan menggalakkan apabila peserta menunjukkan minat untuk mendapatkan maklumat lanjut serta berkongsi bahan pencegahan jenayah komersial dengan keluarga dan komuniti setempat," katanya.

Tansli turut mengingatkan orang ramai yang menjadi mangsa penipuan supaya segera menghubungi NSRC di talian 997 dan membuat laporan polis bagi membolehkan tindakan lanjut diambil.



PENDEDAHAN: Penduduk diberikan taklimat dan informasi semasa Program Ceramah Jenayah Komersial anjuran KEMAS bersama BSJKD Meradong di Rumah Kinchu, Sungai Mador, Bintangor.